

**SURAT PEKELILING BENDAHARI BIL. 1 TAHUN 2009**

Semua Dekan/Ketua Jabatan  
Universiti Malaysia Pahang

Assalamualaikum wrt. wbt.

YH Prof. Dato/YBhg. Prof/Prof Madya/Tuan/Puan,

**PINDAAN HAD KELAYAKAN PEMBIAYAAN DAN TEMPOH BAYARAN  
BALIK BAGI SKIM PEMBIAYAAN KENDERAAN  
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**

**TUJUAN**

Pekeliling ini dikeluarkan adalah bertujuan untuk memaklumkan pindaan had kelayakan dan tempoh bayaran balik bagi Skim Pembiayaan Kenderaan Universiti Malaysia Pahang.

**PINDAAN HAD KELAYAKAN PEMBIAYAAN**

2.1 Kelayakan pembiayaan kereta seperti perenggan 5.0 Pekeliling Bendahari Bil 4 Tahun 2007 dipinda seperti berikut:

Bil	Keterangan	Had Kelayakan Pembiayaan Lama (RM)	Had Kelayakan Pembiayaan Baru (RM)
i)	a) Jawatan-Jawatan Utama dan Gred Khas	60,000	70,000
	b) Kumpulan Pengurusan & Profesional	55,000	65,000
	c) Kumpulan Sokongan	45,000	55,000

2.2 Tempoh pembiayaan seperti perenggan 6.4.1 Pekeliling Bendahari Bil 4 Tahun 2007 dipinda seperti berikut:

Bil	Jenis Kereta	Tempoh Pembiayaan Lama	Tempoh Pembiayaan Baru
i)	Kereta Baru	96 bulan (8 tahun)	108 bulan (9 tahun)
ii)	Kereta Terpakai	84 bulan (7 tahun)	96 bulan (8 tahun)

2.3 Syarat-syarat pembiayaan kenderaan seperti perenggan 2.1.2 Surat Pekeliling Bendahari Bil 1 Tahun 2008 bagi pegawai yang bergaji kurang RM1,200.00 di pinda kepada RM1,620.00.


2.4 Lain-lain syarat pembiayaan adalah sama seperti Pekeliling Bendahari Bil 4 Tahun 2007 dan Surat Pekeliling Bendahari Bil 1 Tahun 2008.

### **TARIKH KUAT KUASA**

3. Pekeliling ini adalah berkuat kuasa dari tarikh ianya dikeluarkan.

**“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”**

Saya yang menjalankan tugas



**ZAINUDIN BIN OTHMAN**

Bendahari

Universiti Malaysia Pahang

27 Februari 2009

s.k **Yang Hormat Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim**  
Naib Canselor

**Y.Bhg. Prof. Dr. Sabarudin Bin Mohd.**  
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

**Y. Bhg. Prof. Dr. Rosli Bin Mohd Yunus**  
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

**Y.Bhg. Tn. Hj. Mustafa Bin Ibrahim**  
Pendaftar